

02/08/2003

Kejayaan MSC tamparan kepada pengkritik

KEJAYAAN mencatat lebih 800 syarikat berstatus Koridor Raya Multimedia (MSC) masa kini berbanding sasaran hanya untuk mencapai 500 syarikat menjelang 2003 satu tamparan hebat kepada pengkritik projek itu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, sasaran asal kerajaan hanya untuk mempunyai 500 syarikat menjelang akhir tahun ini, namun jumlah itu meningkat dan ia satu kejayaan kepada MSC.

Oleh itu katanya, pihak yang masih tidak percaya serta meragui bahawa MSC mampu mencapai realitinya harus melihat kepada peningkatan jumlah syarikat berstatus MSC yang kini melebihi 800 beroperasi di situ.

"MSC kini menyaksikan banyak sokongan daripada syarikat bertaraf antarabangsa untuk menyertainya seperti yang dilakukan oleh syarikat telekomunikasi antarabangsa, Ericsson dengan penubuhan Ericsson@MSC di Cyberjaya.

"Malaysia ingin maju bersama dengan dunia lain selain memastikan negara memanfaatkan teknologi termaju," katanya pada majlis perasmian bangunan Ericsson@MSC bernilai RM80 juta di Cyberjaya, Selasa lalu.

Dr Mahathir berkata, syarikat antarabangsa seperti Ericsson menjadi pemacu kepada kejayaan inspirasi kerajaan ke arah menjadikannya sebagai hub era maklumat.

"Malaysia amat gembira dapat menjalin kerjasama dengan Ericsson memandangkan syarikat ini ada kepakaran tinggi dalam teknologi komunikasi selain berpandangan jauh mengenai teknologi masa depan," katanya.